



September  
2020

# Perubahan yang dicadangkan

## Pengimportan udang dan produk udang ke Wilayah Luar



Jabatan Pertanian, Air dan Alam Sekitar mencadangkan beberapa perubahan pada syarat-syarat mengimport udang dan produk udang sebagai makanan manusia, yang dibawa masuk atau diimport ke wilayah luar Australia, iaitu Pulau Norfolk, Pulau Christmas dan Kepulauan Cocos (Keeling).

Perubahan ini dicadangkan untuk melindungi spesies haiwan krustacea yang didapati hidup hanya di perairan sekitar pulau-pulau di wilayah luar Australia ini (yang merangkumi ketam merah dan ketam kelapa di Pulau Christmas serta udang lipan dan ketam nipah) daripada penyakit haiwan krustacea yang eksotik, misalnya penyakit bintik putih. Semua haiwan krustacea jenis dekapod (berkaki sepuluh) mudah terjangkit oleh virus yang menyebabkan penyakit bintik putih ini, termasuklah udang, ketam dan udang getak, sama ada yang hidup di laut, di air tawar maupun di darat. Penyakit bintik putih tidak berbahaya bagi manusia tetapi boleh meninggalkan kesan yang ketara terhadap populasi haiwan krustacea yang terjangkit.

Dengan memastikan bahawa syarat-syarat pengimportan ke Australia dikenakan secara konsisten, kita dapat memelihara kedudukan kita yang bebas daripada penyakit dan melindungi kesihatan populasi haiwan krustacea yang diternak dan yang hidup liar di Australia.

Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya mengenai penyakit bintik putih, lihat di:  
[agriculture.gov.au/sites/default/files/documents/infection-white-spot-syndrome-virus.pdf](http://agriculture.gov.au/sites/default/files/documents/infection-white-spot-syndrome-virus.pdf).

### Udang yang diperoleh daripada tanah besar Australia<sup>1</sup>

**Udang mentah, udang yang telah dimasak, udang bersalut serbuk roti, bater dan serdak (BBC) dan udang yang sangat diproses** (termasuklah produk umpama ladu, popia, samosa, gulungan, bebola atau dim sum) yang diimport atau dibawa masuk ke Pulau Norfolk, Pulau Christmas atau Kepulauan Cocos (Keeling) daripada tanah besar Australia tidak memerlukan permit import tetapi mesti diiringi bukti (misalnya resit komersial) bahawa udang tersebut diperoleh dan/atau dibeli di tanah besar Australia. Barang itu juga mungkin diperiksa secara fizikal.

### Udang yang diperoleh daripada negara selain tanah besar Australia

**Udang mentah** yang diimport terus ke Pulau Norfolk, Pulau Christmas atau Kepulauan Cocos (Keeling) daripada negara selain tanah besar Australia memerlukan permit import dan mesti menepati syarat-syarat pengimportan yang dinyatakan supaya risiko biokeselamatan dapat diuruskan. Setiap konsainan mesti diiringi sijil kesihatan rasmi kerajaan yang ditandatangani oleh pihak berkuasa kompeten di negara pengeksport yang mengakui syarat-syarat pengimportan udang mentah itu. Antara lainnya, syarat-syarat ini menetapkan bahawa udang mentah tersebut hendaklah:

- sejuk beku dan telah dibuang kepalanya dan kulitnya (segmen kulit yang terakhir dan ekor dibenarkan)
- telah dibuang uratnya (salur pencernaan dibuang sekurang-kurangnya sehingga segmen kulit yang terakhir)
- produk daripada setiap kelompok telah didapati tidak membawa virus sindrom bintik putih (WSSV) dan virus kepala kuning genotip 1 (YHV1) selepas diproses, berdasarkan kaedah pensampelan dan pengujian yang diiktiraf oleh Organisasi Kesihatan Haiwan Sedunia (OIE) sebagai berkesan membuktikan ketiadaan penyakit

<sup>1</sup> Udang dan produk udang yang diperoleh daripada tanah besar Australia merangkumi udang yang diternak atau ditangkap di Australia dan udang yang diimport masuk ke Australia dan telah dilepaskan daripada kawalan biokeselamatan.

- telah diperiksa dan digredkan di tempat yang diluluskan dan dikawal oleh pihak berkuasa kompeten
- tidak menampakkan sebarang tanda penyakit berjangkit
- sesuai dimakan oleh manusia
- setiap bungkusan ditandakan dengan pernyataan "*untuk dimakan oleh manusia sahaja dan tidak boleh digunakan sebagai umpan mahupun sebagai makanan haiwan akuatik*".

Setibanya di sini, setiap kelompok udang mentah akan diperiksa keutuhan kedapnya dan diuji untuk mengesan WSSV dan YHV1 di sebuah makmal penyaringan yang diluluskan.

**Udang yang telah dimasak** yang diimport daripada negara selain tanah besar Australia boleh diimport terus ke Pulau Norfolk, Pulau Christmas atau Kepulauan Cocos (Keeling) jika diiringi sijil kesihatan rasmi kerajaan yang ditandatangani oleh pihak berkuasa kompeten di negara pengeksport dan membawa pernyataan yang berikut:

- udang ini telah dimasak di tempat yang diluluskan dan dikawal oleh pihak berkuasa kompeten dan disebabkan proses memasak yang dilaluinya, semua protein di dalam daging udang ini sudah bergumpal dan tiada lagi daging udang mentah yang tinggal
- the cooked prawns are fit for human consumption.

**Udang bersalut serbuk roti, bater dan serdak (BBC) dan produk udang yang sangat diproses<sup>2</sup>** boleh diimport terus ke Pulau Norfolk, Pulau Christmas dan Kepulauan Cocos (Keeling) daripada negara selain tanah besar Australia tetapi memerlukan permit import dan mesti diiringi sijil kesihatan rasmi kerajaan yang ditandatangani oleh pihak berkuasa kompeten di negara pengeksport dan membawa pernyataan yang berikut:

### ***Udang BBC***

- udang BBC ini telah diproses, diperiksa dan digredkan di tempat yang diluluskan dan dikawal oleh pihak berkuasa kompeten
- udang BBC ini tidak menampakkan sebarang tanda penyakit berjangkit sebelum disalut
- udang BBC ini telah melalui langkah pemasakan separa (contohnya digoreng atau dibakar dahulu) selepas udang ini disalut untuk memejalkan dan melekatkan salutan pada udang ini.

### ***Udang yang sangat diproses***

- udang mentah yang sangat diproses ini telah diproses, diperiksa dan digredkan di tempat yang diluluskan dan dikawal oleh pihak berkuasa kompeten
- udang mentah yang sangat diproses ini tidak menampakkan sebarang tanda penyakit berjangkit.

<sup>2</sup> Udang mentah yang sangat diproses merangkumi daging udang yang telah diproses menjadi produk umpama ladu, popia, samosa, gulungan, bebola atau dim sum.

